

STRATEGI PEPERANGAN MASYARAKAT MELAYU
TRADISIONAL SEBELUM ABAD KE-19

oleh

JOHARI BIN SUAIB

ARKIB

rb
FAC895
M22J66

Strategi Peperangan Masyarakat Melayu Tradisional
Sebelum Abad Ke- 19.

Esei ini adalah merupakan hasil usaha penulis yang telah cuba menghimpuni dan mengelakkan kesalahan penting di dalam Strategi Peperangan Masyarakat Melayu Tradisional Sebelum Abad 19. Di dalam usaha menghimpuni kini ini, penulis telah membahagi kepada empat bahagian, seperti yang terdapat di dalam isi kandungan.

Disebutkannya sejarah peperangan Masyarakat Melayu Tradisional juga, maka penulis hanya dapat menggunakan sumber-sumber seperti buku Sastera Melayu, Tafsir Al-Qur'an, dan Al-Tarikh Selanik Raja-Raja Negeri. Sesudah itu penulis berterimakasih kepada pengaruh yang memberi pengaruh kepada penulis.

Oleh: Johari Bin Suaih. kerana merupakan
anakdiri. 16163

Bagi penulis, **1800AD** esei ini adalah hasil pertama penulis dan sudah pasti terdapat beberapa kelebihan atau ada diaedari atau tidak. Oleh itu penulis sangat menerima kritikan mengenang dah penulis berharap maklumat esei ini dapat menambah bahan bacaan pembaca.

Akhir sekali penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Cheah Boon Kheng kerana telah banyak membantung penulis di dalam menghasilkan esei ini. Selain itu juga seorang sahabat yang memberi bantuan fikir dan sumbangan esai. Penulis monyet asyur dengan sikap kritis yang berjaya kerana penulis sedar penulis adalah seorang pemula dan sedang menerima kritikan untuk mendapatkan kesasaran.

Satu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan Sejarah (HSM 411/412; Dokuman-Dokuman Dalam Sejarah Malaysia). Bagi Pengijazahan Sarjana Muda Sastera Dalam Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

PRAKATA:

Assalamualaikum w.b.

Esei ini adalah merupakan hasil usaha penulis yang telah cuba menghurai dan mengkaji aspek-aspek penting di dalam Strategi Peperangan Masyarakat Melayu Tradisional Sebelum Abad 19. Di dalam usaha mengemas kini eseai ini, penulis telah membahagi kepada empat bahagian seperti yang terdapat di dalam isi kandungan.

Disebabkan skop peperangan Masyarakat Melayu Tradisional luas, maka penulis hanya dapat menggunakan sumber-sumber seperti buku Sejarah Melayu, Tuhfat Al-Nafis dan Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Namun begitu penulis lebih menekankan kepada Sejarah Melayu kerana merupakan sumber tertua.

Bagi penulis, penulisan eseai ini adalah hasil pertama penulis dan sudah tentu terdapat beberapa kelemahan sama ada disedari atau tidak. Oleh itu penulis sedia menerima kritikan membina dan penulis berharap kehadiran eseai ini dapat menambah bahan bacaan pembaca.

Akhir sekali penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Cheah Boon Kheng kerana telah banyak menolong penulis di dalam menghasilkan eseai ini serta kepada sahabat sahabat yang memberi buah fikiran dan sumber-sumber asal. Penulis mohon ampun dan maaf di atas kelemahan yang berlaku kerana penulis sedar penulis adalah seorang yang lemah dan sedia menerima kritikan untuk kebaikan bersama.

Wassallam

24.9.1988

Johari bin Suaib,
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan,
U.S.M.
Pulau Pinang.

ISI KANDUNGAN:

1. PENGENALAN	1
2. SEBAB-SEBAB PEPERANGAN	2
3. PERISTIWA PERANG DAN STRATEGI PERANG	5
4. PENUTUP	19
5. BIBLIOGRAFI	

1. Pengenalan:

Seringkali media massa sekarang ini membicarakan tentang peperangan yang berlaku khususnya negeri-negeri luar seperti Afghanistan, Iran, Iraq, Palestin, Vietnam dan lain-lain lagi. Atas dasar peperangan yang berlaku sekurang ini, saya terfikir bahawa sebelum kini khususnya masyarakat dahulu juga mengalami peperangan. Kalau sekarang ini kita dapati berbagai strategi dan teknik moden digunakan di dalam peperangan. Tapi masyarakat dahulu bagai mana? Strategi dan teknik peperangan yang digunakan itu bertujuan mencapai kemenangan.

Ada dua sebab mengapa saya memilih tajuk ini. Pertama kerana saya dapati amat kurang sekali sarjana-sarjana membicarakan topik peperangan Melayu Tradisional. Ke dua, saya ingin mengkaji ciri dan bentuk kepandaian atau strategi peperangan Melayu Tradisional. Saya akan membuat penumpuan kepada cara dan kaedah peperangan yang berlaku sesama Melayu khususnya di Asia Tenggara dan peperangan dengan bukan Melayu seperti Feringgi, Siam dan Belanda. Tujuannya untuk melihat adakah peperangan yang berlaku sesama Melayu dan bukan Melayu itu mempunyai kaedah atau cara dan strategi yang sama digunakan atau berbeza.